

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**JTW 103 – UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi 3 bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Jawab SATU soalan di Bahagian A, SATU soalan di Bahagian B dan DUA soalan di Bahagian C.

Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

**BAHAGIAN A: (Jawab SATU soalan dari bahagian ini)****SOALAN 1**

Encik Ahmad adalah pemilik sebuah kereta Rolls Royce buatan tahun 1950. Pada 1 Jun dia telah mengeluarkan satu iklan di dalam suratkhobar **The New Straits Times** menawarkan kereta Rolls Royce itu dengan harga jualan RM500000. Pada 2 Jun Encik Kaya telah melawat Encik Ahmad untuk melihat kereta tersebut. Encik Kaya memberitahu Encik Ahmad bahawa dia suka kereta itu tetapi tidak suka warnanya. Encik Kaya meminta supaya warnanya ditukar kepada biru gelap. Encik Ahmad menjawab dia akan memikir tentangnya.

Pada 5 Jun, Encik Ahmad telah menghantar surat kepada Encik Kaya memberitahunya dia tidak sanggup tukar warna kereta itu. Dia juga memberitahu kereta itu sebenarnya bernilai RM550000. Dia juga meminta Encik Kaya memberitahu jawapannya sebelum 15 Jun. Encik Ahmad meminta Encik Kaya menjawab menerusi pos.

Pada masa Encik Ahmad mengepos surat itu Encik Kaya juga telah mengepos satu surat kepada Encik Ahmad. Masing-masing menerima surat itu pada 8 Jun. Dalam suratnya Encik Kaya memberitahu En. Ahmad bahawa dia akan membeli kereta itu pada harga asal iaitu RM500000 dan warna kereta itu tidak perlu ditukarkan.

Pada 10 Jun Encik Kaya telah menghadiri satu pameran kereta antik. Dia telah bertemu dengan seorang pakar kereta antik bernama Ah Chong yang memberitahunya Encik Ahmad telahpun jual kereta Rolls Royce itu kepada seorang lain pada harga RM550000. Bila Encik Kaya mendengar berita ini dia terus mengirim surat kepada Encik Ahmad memberitahunya dia akan membeli kereta Rolls Royce itu pada harga RM500000 seperti ditawarkan oleh Encik Ahmad.

- (a) Anda dikehendaki menasihatkan Encik Kaya berkenaan hak-haknya berdasarkan kepada undang-undang kontrak.

(20 markah)

- (b) Adakah jawapan anda akan berlainan jika pakar kereta itu bukan pakar sebenarnya?

(5 markah)

...3/-

**SOALAN 2**

Perniagaan Kain Sdn Bhd(PK) memiliki sebuah kilang yang mengeluarkan kain. Ketidaktepatan pendawaian yang dilakukan telah mengakibatkan mesin berhenti berfungsi. Ini juga telah membantut kapasiti pengeluaran kilang itu. Syarikat Elektrikbaik(SEB) bersetuju untuk menyempurnakan pendawaian tersebut. Pada masa yang sama pekerja-pekerja SEB telah mulakan mogokan kerana pengurusan SEB telah memperkenalkan beberapa peraturan pekerjaan yang baru. Kerana SEB tidak dapat menjalankan kerja itu mereka menasihatkan PK Sdn. Bhd. mengupah Elektrikcemas Sdn. Bhd(EC) untuk menjalankan kerja-kerja tersebut. EC sanggup melakukannya untuk tambahan RM20000. PK tidak mengupah EC walaupun mereka adalah sama baik seperti SEB. Mogokan itu berlanjutan untuk 2 bulan. PK juga membekal kain kepada Kloth Sdn. Bhd.(KSB) iaitu sebuah kilang di Singapura pada harga yang tinggi. Oleh kerana KSB tidak menerima bekalan seperti dijanji untuk 2 bulan ianya telah membatalkan kontraknya dengan PK. PK telah bersetuju bahawa jika ianya tidak mampu untuk bekal kain untuk tempoh melebihi 2 bulan ianya akan bayar gantirugi kepada KSB berjumlah RM700000.

Nasihati PK yang ingin menyaman SEB atas perkara berikut:

- (a) RM100,000,000 kerana kelambatan 2 bulan dalam menyempurnakan kerja.  
(8 markah)
- (b) RM10,000,000 kerana kehilangan kontrak dengan KSB; dan,  
(8 markah)
- (c) RM700,000 yang berupa amaun yang PK perlu bayar kepada KSB sebagai gantirugi.  
(9 markah)

**BAHAGIAN B: (Jawab SATU soalan dari bahagian ini)**

**SOALAN 3**

- (a) Namakan dan terangkan secara ringkas pendekatan-pendekatan yang digunakan untuk menginterpretasi statut.  
(5 markah)

...4/-

(b) Andaikan terdapat satu statut di Malaysia yang menetapkan:

'semua pemandu kenderaan mesti guna topi keledar apabila mengguna jalanraya. Jika tidak mematuhi peraturan ini dendanya adalah RM500.00'

Pada masa undang-undang ini diluluskan di parlimen menteri pengangkutan telah menyatakan undang-undang ini diluluskan untuk kepentingan penunggang motosikal kerana ramai penunggang motosikal mengalami kecederaan di kepala apabila kemalangan berlaku.

Ahmad, semasa dia dalam perjalanan ke sekolah dengan menggunakan motosikal telah dihentikan oleh pihak polis. Dia mempunyai topi keledar tetapi tidak gunanya untuk melindungi kepala. Topi keledar itu diguna untuk membawa sarapan petang.

Lina yang berupa seorang pelajar Universiti Sains Malaysia telah memandu keretanya untuk pergi ke kampus. Pihak polis juga telah menahannya kerana tidak mempunyai topi keledar langsung.

Bincangkan jika kedua-dua Ahmad dan Lina perlu bayar denda RM500.00 itu. Berikan sebab-sebab untuk jawapan anda dengan merujuk kepada pendekatan-pendekatan interpretasi statut.

(20 markah)

#### SOALAN 4

Ah Pan telah melantik Baju sebagai agennya untuk menjual sebidang tanah kepunyaannya yang terletak di Wang Kelian. Ah Pan telah berjanji akan membayar komisen dan lain-lain kos terlibat berkenaan urusan jualan tanah itu. Dalam usaha menjual tanah itu Baju telah berjumpa dengan Cantek yang merupakan seorang broker hartanah. Cantek telah berusaha dan seterusnya mendapat seorang pembeli(Darma) yang sanggup bayar RM1 juta untuk tanah itu. Harga jualan yang ditetapkan oleh Ah Pan ialah RM750000. Untuk mendapatkan pembeli Cantek mengenakan caj berjumlah RM10000 tetapi kerana ianya berupa satu jualan mudah Cantek telah memberi diskaun berjumlah RM5000. Baju akhirnya menyerahkan RM750000 kepada Ah Pan iaitu harga yang ditetapkan oleh Ah Pan. Baju juga meminta Ah Pan membayar caj jualan yang dikenakan oleh Cantek sebanyak RM10000 tanpa sebarang diskaun. Baju seterusnya menyimpan untuk dirinya sendiri RM250000 itu.

...5/-

- (a) Bolehkah Ah Pan menuntut RM250000 dan wang diskaun RM5000 itu daripada Baju? Atas prinsip apakah wang ini boleh dituntut?

(20 markah)

- (b) Bincang secara ringkas tanggungjawab seorang prinsipal terhadap agen dengan merujuk kepada peruntukkan dalam akta.

(5 markah)

**BAHAGIAN C : (Jawab 2 soalan dari bahagian ini)**

**SOALAN 5**

Lina dan Meena telah mengunjungi restoran Nikmatbaik. Semasa di situ Lina telah pesan dua pinggan mee goreng dan dua gelas minuman ringan. Bayaran untuk pesanan ini dilakukan oleh Lina. Mereka berasa sangat lapar dan apabila makanan itu dihidangkan Meena terus memakannya. Dia terasa sesuatu dan bila dia memeriksanya dia dapati benda itu sebenarnya adalah seekor lipas. Meena terus muntah dan merungut kepada pekedai dia akan menyamannya kerana menghidangkan makanan yang busuk. Meena tidak dapat hadir ke pejabat untuk satu minggu kerana gangguan mental dan emosinya. Semasa mendapat rawatan di hospital doctor yang merawatnya meminta Meena memakan ubat untuk melegakan sakit kaki walaupun Meena sebenarnya memberitahu dia sakit kepala. Kerana ini Meena mendapat sakit perut dan terpaksa di masukan ke hospital untuk rawatan. Meena terpaksa membelanja RM500 untuk ubat-ubatan. Doktor itu pekak dan tidak sedar apa yang di katakan oleh Meena. Untuk menuntut wang ini daripada hospital itu Meena telah berjumpa dengan Kanna yang berupa seorang peguam. Kanna menasihatkan Meena bahawa Meena tidak boleh menuntut wang itu daripada hospital ataupun doctor yang merawatnya. Pada suatu hari semasa Meena menghadiri seminar bertajuk 'Your Rights In Tort' Meena berjumpa seorang kawannya bernama Guambaik yang berupa seorang peguam dan dia memberitahu Meena satu tuntutan untuk RM500 yang Meena belanja untuk ubatan itu sebenarnya boleh dituntut mengikut ketetapan dalam undang-undang tort. Meena berasa nasihat Kanna adalah salah dan dia ingin mengambil tindakan terhadap Kanna di bawah tort kecuaiian.

Sila nasihatkan Meena apakah tindakan perundangan yan boleh di ambil oleh Meena terhadap restoran Nikmatbaik, hospital dan Kanna berpandukan kepada lima (5) penentu kecuaiian dalam undang-undang tort.

(25 markah)

...6/-

**SOALAN 6**

Seramai 60 penumpang telah menempah tiket perjalanan dengan syarikat pengangkutan Mutiara. Mereka masing-masing akan balik ke Terengganu untuk cuti Hari Raya. Semasa dalam perjalanan di kilometer 152 lebuh raya timur-barat mereka telah mengalami satu kemalangan yang dashyat yang mengakibatkan kematian 20 orang. Laporan telah dibuat kepada pihak polis dan pihak polis telah menjalankan siasatan. Siasatan yang dijalankan menunjukkan drebar bas itu telah memandu dengan cuai dan sebenarnya memandu lebih laju daripada had laju yang ditetapkan semasa kemalangan itu berlaku. Siasatan itu juga menunjukkan drebar bas berkenaan telah memandu selama lapan belas jam tanpa berhenti dan berada dalam keadaan letih dan tidak berdaya. Waris kepada si mati telah berhubung dengan peguam mereka dan dinasihatkan membawa satu tindakan undang-undang terhadap Syarikat Mutiara dan / atau drebar tersebut.

Sila nasihatkan waris-waris berkenaan bagaimana makamah akan menentukan tort kecuaiian berpandukan kepada lima (5) elemen penentu kecuaiian. Sila terangkan setiap elemen ini dengan merujuk kepada kes relevan.

(25 markah)

**SOALAN 7**

A telah membeli sebuah kereta Proton daripada B untuk harga RM25,000. Tiga bulan kemudian pihak polis telah merampas kereta itu atas alasan kereta itu adalah kereta curi. A ingin menuntut balik RM25,000 yang dia bayar kepada B. Pada masa B menjual kereta itu kepada A, B tidak tahu kereta itu adalah kereta curi.

- (a) Adakah A akan berjaya dalam tuntutanannya? Sebut dan bincang undang-undang dan kes yang relevan.

(10 markah)

A telah mengikat satu perjanjian untuk jualan dengan B untuk menjual mesin jentolak. Semasa mesin ini disimpan di gudang A mesin jentolak ini telah termusnah kerana satu kebakaran yang berlaku digudang A. A meminta B membayar untuk mesin jentolak itu.

- (b) Adakah A akan berjaya dalam tuntutanannya? Berikan alasan-alasan yang kukuh untuk jawapan anda.

(5 markah)

...7/-

(c) Mengikut Seksyen 15 Akta Jualan Barangan 1957 “jika terdapat satu kontrak jualan melalui perihalan akan ada satu syarat tersirat (implied) bahawa barang-barang itu adalah bersamaan dengan perihalan”. Sila teliti ilustrasi berikut dan nyatakan jika satu jualan dengan perihalan telah berlaku ataupun tidak.

(i) A menjual barang-barang seni. B yang juga berupa penjual barang-barang seni telah menjual dua lukisan oleh Gabrielle Munter kepada A. Seorang pekerja A telah periksa lukisan itu sebelum A membelinya. B memberitahu pekerja A bahawa B bukan pakar tentang lukisan itu. Lukisan itu didapati palsu dan A ingin membawa satu tindakan undang-undang untuk menuntut balik wang yang dibayar olehnya.

(5 markah)

(ii) A telah lama pesan tepung gandum dari B. Tepung gandum ini selalunya di bekal dalam beg plastik yang mengandungi cop dagangan yang terkenal. A telah pesan selanjutnya atas syarat ‘sama seperti kontrak-kontrak yang lalu’. Tepung gandum yang di bekal pada kali ini tidak di cop dengan cap dagangan yang terkenal itu.

Adakah satu jualan dengan perihalan berlaku di sini? Gunakan kes relevan untuk menjawab soalan ini.

(5 markah)

- oooOooo -

